

TEKS UCAPAN

(JUMLAH MASA YANG DIPERUNTUKAN 25-30 MINIT)

Y.BHG. PROF. DR. ASMADI MOHAMED NAIM

NAIB CANSELOR UniSHAMS

MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG (APC) 2019 DAN 2020

17 OGOS 2021 (SELASA)

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Selamat Pagi dan Salam Sejahtera.

YBrs. Prof Madya Dr. Wan Najzmi Mohamed Fisol, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa),

YBrs. Dr. Rohani binti Desa, Timbalan Naib Canselor (Pelajar dan Alumni),

YBrs. Tuan Haji Zaini bin Ramli, Timbalan Naib Canselor (Kelestarian Institusi dan Jaringan Industri),

YBrs. Tuan Haji Mohd Fahmi bin Sheikh Omar, Pendaftar,

YBrs. Puan Molyna binti Mohd Anuar, Bendahari,

Ketua-Ketua, Dekan-Dekan, Pengarah-Pengarah, Kulliyah, Pusat, Jabatan dan penerima APC yang diraikan, hadirin dan hadirat sekalian.

PENDAHULUAN

1. Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua pihak yang telah menjayakan majlis pada hari. Saya amat berbesar hati untuk sama-sama menyempurnakan majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) hari ini bagi meraikan seramai 55 orang staf UniSHAMS termasuk di peringkat pentadbiran dan akademik yang telah memberikan sumbangan dan menunjukkan prestasi yang cemerlang sepanjang tahun 2019 dan 2020.
2. Penganugerahan yang diberikan ini menunjukkan bahawa pengorbanan dan sumbangan yang telah tuan/puan berikan semasa berkhidmat dalam perkhidmatan adalah dihargai dan tidak pernah dilupakan oleh UniSHAMS.
3. Semoga APC ini akan memberikan motivasi kerja dan impak positif kepada semua warga UniSHAMS dalam membentuk suasana pekerjaan yang cemerlang dan selaras dengan bidang tugas masing-masing.
4. Para hadirin yang saya hormati sekalian, tempoh masa yang lama dalam perkhidmatan bukanlah jaminan seseorang itu perlu dinaikkan pangkat. Zaman seniority mendahului dalam proses kenaikan pangkat sudah berlalu. Prestasi, kompetensi, efisiensi dan ilmu itu sentiasa dinilai dalam pelbagai kaedah.
5. Oleh itu, sebagai pekerja kita harus sedar bahawa kita diberi tanggungjawab untuk melaksanakan tugas yang diamanahkan. Selaras dengan frasa 'Saya yang menjalankan amanah', kita perlu menghayati bahawa setiap perintah, tugasan dan tanggungjawab ialah amanah yang perlu digalas sebaiknya. Amanah dalam konteks ini bermaksud rela dan berusaha melaksanakan tugas serta tanggungjawab yang diberi dalam batas kuasa ditentukan dengan penuh gigih, selain ikhlas bagi mencapai matlamat ditetapkan.
6. Kami amat memerlukan warga kerja yang professional, progresif, kreatif, inovatif, berketerampilan, bijaksana yang holistik untuk bersama-sama menjayakan semua dasar universiti.

7. Saya ingin menyeru agar semua staf UniSHAMS untuk terus memberikan perkhidmatan yang efektif, berakauntabiliti, berintegriti, amanah dan progresif seiring dengan kepesatan transformasi kemajuan teknologi dan era digital kini yang mampan. Marilah kita semua berganding bahu melangkah bersama untuk menjaga nama baik UniSHAMS di mata masyarakat.

(Power Point Mula)

8. Seterusnya, saya ingin menyampaikan mengenai **HALA TUJU UniSHAMS , Audit Universiti, Setara (Kpi Kulliyyah/ Kpi Pensyarh), Myra dan 4 IR (*Rujuk Slide APC*).**

(Selepas slide Norma Baharu)

9. Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dirahmati dan dikasihi sekalian. Kesimpulannya, setiap manusia mempunyai tanggungjawab yang tertentu yang mesti ditunaikan untuk memperolehi kedamaian hidup, dunia dan akhirat.

PENUTUP

(Slide terakhir)

Hadirin yang dihormati sekalian, sebagai mengakhiri ucapan saya pada hari yang amat bermakna ini, tahniah dan syabas sekali lagi kepada semua penerima APC pada kali ini. Semoga momentum kejayaan dan kecemerlangan ini dapat dikelaskan pada masa akan datang. Sekian, terima kasih.